

# New resident drivers

An overview of New Zealand's road rules

**English** page 2

**Malay** page 11 – **Bahasa Melayu** mukasurat 11

**Hindi** page 21 – **हिंदी** पृष्ठ 21



**Land Transport NZ**  
Ikiiki Whenua Aotearoa

# Pemandu pemastautin baru

## Gambaran keseluruhan peraturan jalan raya New Zealand

Anda merancang untuk memandu di New Zealand? Beberapa peraturan dan cara memandu kami berbeza berbanding negara asal anda. Peraturan jalan New Zealand dikuatkuasakan oleh Polis dan denda dikenakan jika anda tidak mematuhiinya. Sebelum anda memandu di New Zealand, bacalah risalah ini untuk membantu anda memandu dengan selamat di jalan raya kami.

### Lesen memandu

Anda perlu ada lesen memandu yang hidup dan sah untuk memandu di New Zealand.

**Factsheet**  
56



1. Anda boleh menggunakan lesen memandu yang hidup dan sah daripada negara\* lain atau Permit Memandu Antarabangsa (IDP) untuk sehingga satu tahun.
2. Jika anda bercadang untuk tinggal dan memandu di New Zealand selama lebih daripada satu tahun, anda perlu memohon lesen memandu New Zealand seberapa cepat yang mungkin setelah anda tiba. Hubungi 0800 822 422 untuk mengetahui cara memohon.

\* Jika lesen memandu anda bukan dalam bahasa Inggeris, anda perlu ada IDP atau terjemahan lesen anda dalam bahasa Inggeris agar Polis New Zealand boleh membaca butiran lesen anda.

### Sebelum anda memandu

Sebelum anda memandu di New Zealand, dapatkan seberapa banyak maklumat yang boleh tentang peraturan jalan raya kami dan keadaan jalan raya semasa memandu.

Petak-petak hijau di dalam brosur ini menunjukkan di mana anda boleh mendapat maklumat lanjut:

**Kertas fakta** boleh ditemui di laman web kami [www.landtransport.govt.nz](http://www.landtransport.govt.nz)



**Peraturan Jalan Raya** – *The New Zealand Road Code* (yang merangkumi peraturan trafik New Zealand) terdapat di kebanyakan kedai buku. Peraturan jalan yang paling penting boleh didapati di [www.landtransport.govt.nz/roadcode/](http://www.landtransport.govt.nz/roadcode/)



Mereka yang baru tiba di New Zealand biasanya mendapati peraturan jalan dan keadaan berikut adalah yang paling sukar: memandu di sebelah kiri jalan, bulatan, memberi laluan kepada pengguna jalan yang lain, memasuki lebuh raya, berhati-hati terhadap pejalan kaki dan penunggang basikal, menyesuaikan diri dengan pelbagai zon had laju dan meletak kereta.

**Adalah penting untuk mengikuti tiga langkah berikut:**

1. **Baca brosur ini** – biasakan diri dengan peraturan dan cara memandu tempatan.
2. **Jadilah penumpang** – minta bantuan pemandu yang biasa di New Zealand untuk membawa anda bersiar-siar dengan kereta dan menerangkan sesetengah peraturan jalan dan cara pemanduan.
3. **Kali pertama anda memandu** – minta seseorang menjadi penumpang semasa pertama kali anda memandu atau sertai kursus memandu bersama jurulatih memandu. Terdapat juga kursus memandu lanjutan disediakan (kursus Street Talk dan AA Defensive Driving) yang mengajar anda cara memandu dengan selamat di New Zealand.

NOTA: **Tali pinggang keledar** – di New Zealand anda dan penumpang anda perlu sentiasa memakai tali pinggang keledar.

**Factsheet  
7 and 30**



Anda boleh didenda jika tidak memakainya. Kanak-kanak bawah lima tahun perlu memakai pengikat keselamatan bersesuaian yang diluluskan (contohnya kapsul bayi, kerusi keselamatan kereta kanak-kanak atau kerusi booster).

## Memandu mengikut keadaan

**Road Code  
When  
conditions  
change**



Adalah penting anda memandu tidak melebihi had laju (lihat *Had laju* di bawah), TETAPI anda juga perlu memandu mengikut keadaan jalan dan pemanduan.

Jalan raya di New Zealand banyak yang sempit, berselekeh atau berbukit yang mengurangkan keupayaan anda melihat apa yang berada di hadapan. Sesetengahnya tidak beraspal dan berdebu, terutamanya di kawasan pendalaman, di mana anda mungkin melihat binatang ternak bergerak di sepanjang jalan-jalan kampung.

Cuaca semasa musim sejuk boleh menyebabkan jalan menjadi licin dan berais dan juga sukar untuk melihat kenderaan dari arah depan. Di New Zealand cuaca biasanya tidak menentu walaupun semasa musim panas. Ubah cara pepaduan anda mengikut keadaan, termasuk mengurangkan kelajuan anda. Lebih baik anda memperlambatkan kenderaan daripada mengambil risiko memandu laju. Sebagai contoh, jika anda memandu di jalan raya di mana had lajunya adalah 100 kilometer sejam (km/j) tetapi jalan licin atau cuaca berkabus, pandulah pada kelajuan yang selamat yang mungkin di bawah had laju.

Dalam semua keadaan ini, pandulah pada kelajuan yang selamat mengikut keadaan.

Ikut kenderaan lain pada jarak yang selamat. Panduan yang berguna ialah 'peraturan dua saat':



- Perhatikan kenderaan di hadapan anda melintasi sesuatu seperti papan tanda jalan, pokok atau tiang elektrik.
- Perhatikan sama ada anda boleh membilang 'satu ribu satu, satu ribu dua' sebelum anda melintasi objek yang sama. Jika tidak, perlahan kenderaan anda.

Jika anda memandu kurang daripada had laju dan ada kenderaan di belakang anda yang ingin memotong, ketepikan kenderaan anda sebaik sahaja selamat untuk mereka memotong.

Semasa memandu di waktu malam, tinggikan lampu depan kereta anda jika lampu jalan tidak mencukupi (biasanya di luar bandar), tetapi bukan semasa kenderaan lain datang ke arah anda atau mengikuti anda. Sesetengah kereta dipasang dengan lampu kabus. Gunakan semasa tahap penglihatan buruk sahaja, bukannya dalam keadaan terang.

## Memandu sebelah kiri jalan

Road Code  
Keeping left



Ingat, kami di New Zealand memandu di sebelah kiri jalan.

Jika anda biasa memandu di sebelah kanan jalan, anda perlu sentiasa ingat untuk:

- menoleh ke sebelah bahu kanan anda untuk melihat trafik dari arah belakang; DAN
- gunakan semua cermin kereta anda untuk memeriksa semuanya selamat sebelum anda menyertai trafik, menukar laluan atau memotong kenderaan lain.
- jika anda memandu di jalan dua atau tiga laluan, pandulah di laluan paling kiri seberapa dapat. Gunakan laluan yang lebih hampir dengan laluan tengah hanya untuk memotong kenderaan lain atau membelok ke kanan.

Ingatkan diri anda untuk rapat ke kiri, dan berhati-hatilah semasa memandu di kawasan pendalaman di mana arus trafiknya kurang.

## Bulatan



Road Code  
Giving Way



Berhati-hati semasa di bulatan – bulatan di New Zealand mungkin berbeza daripada bulatan di negara anda. Sebagai contoh, jika anda

biasanya memandu di sebelah kanan jalan dan memandu mengelilingi bulatan dalam arah melawan jam, di New Zealand anda akan memandu pada arah yang sebaliknya! Ingat, pandu di sebelah kiri jalan dan pandu mengelilingi bulatan mengikut arah jam.

Di bulatan New Zealand, anda perlu:



- sebelum sampai ke bulatan, perhatikan papan tanda dan tanda jalan (seperti anak panah) yang mengarahkan anda ke laluan yang betul.



- sebelum memasuki bulatan, berikan isyarat:
  - **ke kiri** – jika anda berhasrat keluar daripada bulatan di laluan keluar pertama.
  - **ke kanan** – jika anda berhasrat keluar daripada bulatan lebih daripada separuh bulatan
- biarkan semua kenderaan yang melintasi anda dari arah kanan anda berjalan dahulu; kemudian barulah anda memasuki bulatan apabila laluan kosong.



- jika anda mahu menuju arah terus, jangan beri isyarat semasa masuk - beri isyarat semasa anda melalui laluan keluar sebelum laluan yang anda ingin ambil .
- di bulatan berbilang laluan, anda perlu menghampiri dan memasuki bulatan mengikut laluan yang betul di mana anda akan keluar.

## GIVE WAY (BERI LALUAN) dan STOP (BERHENTI)

Dua papan tanda jalan raya penting yang anda akan lihat ialah GIVE WAY dan STOP.

Apabila anda melihat papan tanda GIVE WAY, perlahankan kenderaan dan bersedia untuk berhenti. Biarkan kenderaan lain berjalan dahulu, kecuali kenderaan yang telah berhenti di papan tanda STOP. Jangan teruskan memandu sehingga keadaan selamat bagi anda dan semua kenderaan lain.

**Road Code  
Giving Way**



Papan tanda ini bermakna anda mesti berhenti sepenuhnya untuk semua kenderaan lain dan memandu hanya apabila selamat berbuat demikian.



Di persimpangan yang tiada papan tanda GIVE WAY atau STOP atau lampu isyarat, peraturan am ialah:

- jika anda membelok, beri laluan kepada semua kenderaan yang tidak membelok.
- dalam semua keadaan lain, beri laluan kepada kenderaan yang melintasi atau datang dari arah kanan anda.

## Menyertai laluan trafik atau “bercantum” dengan selamat

Road Code  
Key Driving  
Skills



Apabila dua laluan trafik menjadi satu laluan atau anda menyertai laluan trafik, ini dipanggil bercantum. Adalah penting menjadi pemandu yang berbudi bahasa terutamanya semasa anda bercantum.

Sekiranya anda perlu bercantum dengan arus trafik lain, jangan lupa untuk:

- berkongsi jalan – bertimbang rasa dan berikan ruang kepada kenderaan lain untuk bercantum tanpa mengganggu trafik.



- anggapkan trafik seperti 'zip' – biarkan satu kenderaan daripada laluan lain mendahului anda.
- semasa meninggalkan lebuh raya, berikan isyarat ke kiri awal-awal lagi dan masuk ke laluan sebelah kiri – awas kenderaan lain pada cermin anda dan di sebelah bahu anda.

## Had laju

**Factsheet  
33**



Setiap jalan di New Zealand mempunyai had laju. Had laju sebenar bergantung pada jenis, kegunaan dan keadaan jalan – had laju jalan kawasan bandar biasanya 50 km/j, manakala had laju lebuh raya pula 100 km/j.



Had laju maksimum jalan besar (termasuk kebanyakan lebuh raya) ialah 100 km/j.



Had kelajuan maksimum yang anda boleh memandu ialah 50 km/h.

Polis New Zealand sangat tegas terhadap pemandu yang memandu laju. Jika anda ditangkap, anda akan dikenakan denda dan penalti yang tinggi.

## Letak kereta

**Road Code  
Stopping and  
Parking**



New Zealand mempunyai banyak sistem meletak kereta yang berbeza, bergantung pada tempat anda memandu.

Di pekan kecil, letak kereta biasanya percuma tetapi anda perlu bayar untuk letak kereta di pekan besar atau bandar. Pusat maklumat tempatan boleh memberitahu anda tentang sistem meletak kereta mereka, namun berikut adalah panduan am bagi sistem yang paling biasa:

- Letak kereta tepi jalan masa terhad: anda hanya boleh meletak kereta secara percuma untuk tempoh masa tertentu atau pada waktu tertentu.
- Letak kereta bermeter: anda membayar masa letak kereta dengan memasukkan duit ke dalam meter di sebelah tempat letak kereta.
- Letak kereta 'Bayar dan papar': anda beli tiket daripada mesin untuk tempoh anda mahu letak kereta dan letak tiket di papan pemuka kereta anda.
- Bangunan letak kereta: Anda pandu masuk ke bangunan tempat letak kereta bertingkat dan membayar perkhidmatan – sama ada dengan sistem 'bayar dan papar' atau semasa anda keluar bangunan.

Terdapat dua jenis papan tanda meletak kereta tepi jalan yang utama:



Papan tanda putih dengan tulisan dan sempadan merah, terpakai untuk setiap hari.



Papan tanda biru dengan tulisan putih, terpakai setiap hari, 8 pagi hingga 6 petang, kecuali hari cuti umum New Zealand.

Berikut adalah beberapa papan tanda meletak kereta yang biasa:



Tidak dibenarkan berhenti pada bila-bila masa.



Tidak dibenarkan berhenti pada waktu-waktu tertentu.



Tidak dibenarkan meletak kereta pada bila-bila masa.

NB: Anda tidak boleh meletak atau memberhentikan kenderaan anda di sebelah kanan jalan kecuali di jalan sehalah.

## Pejalan kaki dan penunggang basikal

### Apabila anda memandu

Apabila memandu, adalah penting untuk memerhatikan orang berjalan kaki di jalan raya – terutamanya di lintasan jalan raya di mana pejalan kaki lebih diutamakan daripada kereta.

Road Code  
Other Road  
Users



Daiman putih yang dicat di atas jalan bermaksud terdapat lintasan jalan di hadapan.

- Perlahankan kenderaan dan sedia untuk berhenti.

- Berhentilah untuk pejalan kaki di lampu isyarat dan di kedua-dua belah lintasan jalan, kecuali lintasan dibahagikan oleh pulau trafik timbul.

Beri perhatian kepada pejalan kaki dan penunggang basikal di tempat-tempat lain juga, seperti sekolah dan perhentian bas, kawasan letak kereta, berhampiran gerai tepi jalan dan apabila anda membelok masuk ke jalan masuk rumah. Anda mungkin juga dapat lihat 'lintasan ihsan' di kawasan bandar, biasanya diperbuat daripada batu bata atau berturap. Sila beri laluan untuk pejalan kaki melintas.

### Apabila anda berjalan kaki

Apabila anda berjalan melintasi jalan, ingat untuk melihat ke kanan dahulu, kemudian kiri, kemudian kanan sekali lagi untuk memastikan jalan selamat dilintas.



Jika terdapat lampu isyarat di persimpangan, mungkin terdapat sistem lintasan jalan untuk membantu anda. Tekan butang di tepi jalan dan lampu 'orang' hijau di seberang jalan akan memberitahu lintasan selamat.

## Isyarat trafik

Apakah makna lampu isyarat New Zealand?

**Road Code  
Controlled  
Intersections**



Anda mesti berhenti.



Berhenti melainkan anda terlalu hampir untuk berhenti dengan selamat.



Teruskan selagi masih selamat. Jika anda membelok, ingatlah untuk memberi laluan kepada mereka yang melintas jalan pada lampu "Walk".



Jika anda memandu mengikut arah anak panah, anda boleh teruskan, dengan syarat ia selamat.

## Patuhi peraturan jalan

Factsheet  
55



Polis New Zealand sangat tegas terhadap pemandu yang memandu secara bahaya atau melanggar undang-undang kami.

Jika anda ditangkap, anda mungkin perlu membayar denda (sehingga beribu dolar) atau menghadapi hukuman yang lebih berat seperti kehilangan lesen memandu, kereta disita atau anda mungkin dipenjarakan.

Kesalahan trafik biasa yang dikenakan denda dan hukuman termasuk:

- memandu melebihi had laju.
- memandu tanpa lesen bersesuaian yang masih hidup.
- gagal menunjukkan lesen apabila diminta oleh anggota polis di tepi jalan.
- memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah.
- tidak memakai tali pinggang keledar.
- memandu kenderaan yang tidak mempunyai sijil kelayakan semasa, tidak berdaftar atau tidak selamat.
- memandu secara bahaya.
- tidak berhenti selepas kemalangan di mana seseorang tercedera atau terbunuh.

## Untuk maklumat lanjut

Ingat, ini hanyalah panduan am untuk peraturan jalan dan amalan memandu New Zealand. Anda boleh mengakses maklumat lanjut di [www.landtransport.govt.nz](http://www.landtransport.govt.nz) atau hubungi kami secara percuma di talian **0800 699 000**. Anda juga boleh membeli terbitan **The New Zealand Road Code** (yang merangkumi semua peraturan trafik New Zealand) daripada kebanyakan kedai buku.